



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

HUBUNGAN ANTARA TINGKAH LAKU KEPEMIMPINAN
TRANSFORMASIONAL JURULATIH BOLA SEPAK DENGAN
KEPUASAN PRESTASI INDIVIDU PEMAIN-PEMAIN
BOLA SEPAK SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH
DI SEKITAR DAERAH ALOR SETAR, KEDAH

AZLINA BT. ZID

FPP 2001 11

**HUBUNGAN ANTARA TINGKAH LAKU KEPEMIMPINAN
TRANSFORMASIONAL JURULATIH BOLA SEPAK DENGAN KEPUASAN
PRESTASI INDIVIDU PEMAIN-PEMAIN BOLA SEPAK SEKOLAH-SEKOLAH
MENENGAH DI SEKITAR DAERAH ALOR SETAR, KEDAH**

Oleh

AZLINA BT. ZID

**Tesis Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master
Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia**

Ogos 2001



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk mendapatkan ijazah Master Sains

**HUBUNGAN ANTARA TINGKAH LAKU KEPEMIMPINAN
TRANSFORMASIONAL JURULATIH PERMAINAN BOLA SEPAK DENGAN
KEPUASAN PRESTASI INDIVIDU PEMAIN-PEMAIN BOLA SEPAK
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI SEKITAR DAERAH ALOR SETAR,
KEDAH**

Oleh

AZLINA BT. ZID

Ogos 2001

Pengerusi: Dr. Aminuddin B. Yusof

Fakulti: Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan tingkah laku kepemimpinan transformasional jurulatih dengan kepuasan individu pemain-pemain bola sepak. Pada umumnya, teori kepemimpinan transformasional telah dipraktikkan secara meluas dalam bidang perniagaan dan industri berhubung dengan budaya organisasi (Schein, 1992) dan komitmen organisasi (Hater & Bass, 1988), namun begitu dalam bidang sukan jumlah kajian yang telah dilakukan adalah sangat sedikit. Oleh itu penyelidik telah menjalankan kajian teori kepemimpinan transformasional dalam konteks sukan bola sepak di Malaysia.

Dalam kajian ini, subjek terdiri daripada pelajar lelaki ($N=200$) yang berumur 16 tahun ke atas yang dipilih dari 10 buah sekolah di sekitar daerah

Alor Setar berdasarkan kaedah persampelan mudah (*convenience sampling*). Subjek merupakan pelajar yang pernah mewakili sekolah dalam permainan bola sepak dan terdiri dari mereka yang sedang mengikuti pengajian di sekolah-sekolah menengah di sekitar daerah Alor Setar, Kedah. Kajian ini telah memberi tumpuan ke atas tingkah laku ketua jurulatih sahaja yang terlibat dalam melatih pasukan bola sepak sekolah-sekolah tersebut. Instrumen yang telah digunakan untuk mengukur tingkah laku kepemimpinan transformasional jurulatih adalah ‘Transformational Leadership Behavior Inventory’ (TLI) yang dihasilkan oleh Podsakoff, MacKenzie, Moorman dan Fetter (1990) dan ‘Athlete Satisfaction Questionnaire’ (ASQ) yang telah dihasilkan oleh Chelladurai dan Reimer (1997) digunakan untuk mengukur kepuasan prestasi individu pemain-pemain bola sepak. Manakala angkubah demografi dan situasi bagi ciri-ciri peribadi jurulatih seperti umur, taraf pendidikan, jumlah pengalaman menjadi jurulatih pasukan sekolah dan rekod menang kalah pasukan bola sepak turut diambil kira sebagai angkubah-angkubah yang sukar dikawal serta melihat pengaruhnya ke atas kepuasan prestasi individu pemain-pemain bola sepak.

Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik analisis regresi. Berdasarkan analisis ‘hierarchical regression’, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara tingkah laku kepemimpinan transformasional jurulatih terhadap kepuasan prestasi individu pemain-pemain bola sepak sekolah-sekolah menengah di sekitar daerah Alor Setar. Bagi analisis regresi Interaksi Pertama-atur (*stepwise*

regression), dapatan kajian menunjukkan hanya angkubah demografi dari faktor peramal yang sukar dikawal iaitu taraf pendidikan jurulatih sahaja mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan kepuasan prestasi individu pemain-pemain bola sepak. Manakala angkubah dari ciri-ciri peribadi lain seperti jumlah pengalaman menjadi jurulatih pasukan sekolah, umur jurulatih dan rekod menang kalah langsung tidak mempengaruhi kepuasan individu para pemain ke arah peningkatan prestasi yang ditunjukkan.

Secara keseluruhannya, keputusan kajian ini menunjukkan keberkesanan teori kepemimpinan transformasional dalam bidang sukan apabila terdapatnya hubungan yang signifikan jurulatih transformasional dengan kepuasan para pemain bola sepak terhadap peningkatan prestasi dan kemajuan sehingga mencapai matlamat yang ditetapkan. Oleh itu, hasil kajian ini turut menyokong dapatan penyelidikan terdahulu yang menunjukkan keberkesanan pengaruh kepemimpinan transformasional ke atas peningkatan kepuasan kerja para pengikutnya dalam bidang perniagaan, industri, badan ketenteraan dan badan kerajaan (Bass & Avilio, 1988).

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

THE RELATIONSHIP BETWEEN THE TRANSFORMATIONAL LEADERSHIP BEHAVIOUR OF SOCCER COACHES AND THE INDIVIDUAL PERFORMANCES SATISFACTION OF SECONDARY SCHOOL SOCCER PLAYERS IN THE ALOR SETAR DISTRICT OF KEDAH

By

AZLINA BT. ZID

August 2001

Chairman: Dr. Aminuddin B. Yusof

Faculty: Educational Studies

The purpose of this study was to examine the relationship between the transformational leadership behavior of coaches and the soccer players' satisfaction with individual performance. The transformational leadership theory has been widely practiced in the organizational culture (Schien, 1992) and commitment (Hater & Bass, 1988) of business and industrial sectors, but only few researches have been conducted in sport settings. Therefore, the researcher has carried out a research on the use of transformational leadership theory in Malaysian soccer.

In this study, the subjects were made up of male students ($N=200$) age from 16 years and above, and selected based on convenience sampling from 10 schools in the Alor Setar district. The subjects were students who have represented their respective schools in soccer and are currently studying in

secondary schools in the district. This research concentrated only on the behavior of the chief coach involved in the training of the soccer teams of these schools. The instrument used to measure transformational leadership behavior of coaches was the Transformational Leadership Behavior Inventory (TLI) by Podsakoff, Mackenzie, Moorman and Fetter (1990). The Athlete Satisfaction Questionnaire (ASQ) by Chelladurai and Reimer (1997) was used to measure soccer players' satisfaction with performance. The influence of demographic variable such as the personal characteristics of the coach like age, educational level, experience as a school coach and the performance of win/loss record of the soccer team were also examined.

Data were analyzed using multiple regression. Based on the Hierarchical Regression Analysis, the findings showed that a positive and significant relationship exists between transformational leadership behavior of the coach and soccer players satisfaction with individual performance in the Alor Setar district. In the Stepwise Regression Analysis, it was found that only extraneous variable from the educational level of the coach had any positive and significant relation with soccer players' satisfaction. While the other personal characteristics such as the amount of experience as school coach, age and performance of win/loss record had no influence what-so-ever on the individual satisfaction of the players towards the improvement in their performance.

Over all, these research findings showed the effectiveness of the transformational leadership theory in the sports field when there was a significant relationship between transformational coach and satisfaction of soccer players towards performance improvement and development in reaching the target set. Therefore, this research finding also supports the findings of earlier researches that showed the effectiveness of transformational leadership influence in increasing work satisfaction in the business, industrial, military and government sectors (Bass & Avilio, 1988).

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana memberi saya kekuatan dan kesabaran sehingga berjaya menyelesaikan kajian tesis ini. Setinggi-tinggi terima kasih saya ucapkan kepada kedua ibu bapa yang dikasihi iaitu Puan Roznah Ahmad dan En. Zid Kaharuddin kerana menyokong serta mendoakan saya sehingga tercapai impian ini.

Saya turut berterima kasih kepada abang dan adik-adik yang sentiasa menyakini kebolehan dan kemampuan saya mengharungi cabaran ini. Saya turut mendedikasikan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Aminuddin Yusof kerana sentiasa memberi galakan, kerjasama serta tunjuk ajar yang bernas sepanjang proses penulisan tesis ini. Saya juga memanjat kesyukuran atas kehadiran ahli-ahli jawatan kuasa yang terdiri daripada Dr. Shaharudin Abd. Aziz dan En. Marjohan Jamalis yang turut menyumbangkan buah fikiran yang bernas bagi memantapkan lagi tesis ini.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua pengetua dan pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah menengah di sekitar daerah Alor Setar, Kedah kerana memberi kerjasama yang cukup baik dalam membantu melaksanakan kajian ini dengan sempurna.

Seterusnya, saya berterima kasih kepada pihak Penganjuran MARA kerana menghulurkan bantuan kewangan sehingga tercapai cita-cita ini dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Kedah yang memberi kebenaran untuk menjalankan kajian ini. Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan merakamkan terima kasih kepada rakan-rakan yang disayangi iaitu Kak Zan, Enna, Gee dan Jue yang sentiasa menyokong dan mendoakan kejayaan ini.

Akhir kata, kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam menjalankan kajian ini, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih tidak terhingga dan budi kalian semua akan tetap saya kenang sepanjang hayat ini.

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Azlina bt. Zid telah mengadakan pemeriksaan terakhir pada 23hb. Ogos, 2001 untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk "Hubungan antara Tingkah Laku Kepemimpinan Transformasional Jurulatih Bola Sepak dengan Kepuasan Prestasi Individu Pemain-Pemain Bola Sepak Sekolah-Sekolah Menengah di Sekitar Daerah Alor Setar, Kedah" mengikut akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

Mohd. Ibrahim Nazri, Ph.D.
Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Aminuddin Yusof, Ph.D.
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Shaharudin Abd. Aziz, Ph.D.
Fakulti pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Marjohan Jamalis, M.Sc.
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)



MOHD GHAZALI MOHAYIDIN, Ph.D.
Profesor
Timbalan Dekan Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 NOV 2001


Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains.



AINI IDERIS, Ph.D.
Profesor
Dekan Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 13 DEC 2001

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberikan penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi-institusi lain.



Azlina bt. Zid

Tarikh: 8.11.2001

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	ii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	viii
PENGESAHAN	x
PENGAKUAN	xii
JADUAL KANDUNGAN	xiii
SENARAI JADUAL	xvi

BAB

I	PENDAHULUAN	1
	Pengenalan	1
	Pernyataan Masalah	6
	Objektif Kajian	12
	Persoalan Kajian	12
	Definisi Operasional	13
	Kepentingan Kajian	14
	Limitasi Kajian	15
	Delimitasi Kajian	16
II	SOROTAN PENULISAN BERKAITAN	17
	Pengenalan	17
	Definisi Kepemimpinan	17
	Teori-Teori Kepemimpinan	19
	Teori Sifat	19
	Teori Perilaku	20
	Teori Kontingensi	22
	Teori Persepsi Sifat	26
	Kepemimpinan Karismatik	27
	Kepemimpinan Transaksi	27
	Kepemimpinan Transformasional	28
	Model Kepemimpinan Transformasional	29
	Keberkesanan Kepemimpinan Transformasional	
	berbanding Kepemimpinan Transaksi	32
	Kepentingan Teori Kepemimpinan Transformasional	
	berdasarkan Teori Keperluan Maslow	34
	Kepuasan Kerja dan Kepuasan Atlit	36
	Ciri-Ciri Peribadi Pemimpin	39

	Faktor-Faktor Kepemimpinan Transformasional	40
	Karisma	41
	Memberi Dorongan	43
	Menggunakan Stimulasi Minda	44
	Sokongan Individu	45
	Kesimpulan	47
	Kajian-Kajian Lepas Teori Kepemimpinan Transformasional	48
	Ringkasan	60
III	METODOLOGI KAJIAN	63
	Reka Bentuk Kajian	63
	Populasi dan Persampelan Data	64
	Instrumentasi	66
	Transformational Leadership Behavior	66
	Athlete Satisfaction Questionnaire	67
	Demografi dan Situasi	67
	Pengumpulan Data	68
	Penganalisaan Data	70
IV	KEPUTUSAN ANALISIS DATA	74
	Kajian Rintis	74
	Kajian Utama	77
	Statistik Deskriptif	78
	Analisis Aneka Regresi	89
	Persoalan Kajian Pertama	89
	Persoalan Kajian Kedua	94
V	PERBINCANGAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	99
	Perbincangan	99
	Kesimpulan	112
	Implikasi Kajian	114
	Implikasi Praktikal	114
	Implikasi Teoritikal	120
	Cadangan	122
	RUJUKAN	126
	LAMPIRAN	
A	Transformasional Leadership Behavior Inventory (TLI) - versi Bahasa Inggeris	138

B1	Transformational Leadership Behavior Inventory (TLI) – versi Bahasa Malaysia (Soal-selidik Kajian Rintis)	140
B2	Transformational Leadership Behavior Inventory (TLI) – versi Bahasa Malaysia (Soal-selidik Kajian Utama)	142
C	Athlete Satisfaction Questionnaire (ASQ) - versi Bahasa Malaysia	144
D	Demografi Peribadi	146
E	Surat rasmi Penyelidik	147
F	Senarai nama sekolah-sekolah menengah di sekitar daerah Alor Setar, Kedah	148
G	Surat rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia	149
H	Surat rasmi Universiti Putra Malaysia	150
I	Surat rasmi Jabatan Pendidikan Kedah	151
J1	Deskriptif item-item dari faktor-faktor tingkah laku kepemimpinan transformasional	152
J2	Deskriptif item-item dari kepuasan prestasi individu pemain-pemain bola sepak	154
K1	Peratusan respon subjek terhadap item-item dari faktor-faktor tingkah laku kepemimpinan transformasional	155
K2	Peratusan respon subjek terhadap item-item dari kepuasan prestasi individu pemain-pemain bola sepak	157
L1	Reliabiliti faktor-faktor tingkah laku kepemimpinan transformasional – Kajian Rintis	158
L2	Reliabiliti faktor-faktor tingkah laku kepemimpinan transformasional – Kajian Utama	160
M1	Reliabiliti kepuasan prestasi individu pemain-pemain bola sepak – Kajian Rintis	162
M2	Reliabiliti kepuasan prestasi individu pemain-pemain bola sepak – Kajian Utama	164
	VITA	166

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Taburan frekuensi responden dari 10 buah sekolah di sekitar daerah Alor Setar	78
2	Taburan frekuensi umur responden	79
3	Min, sisihan piaawai, minimum dan maksimum bagi demografi dan situasi angkubah-angkubah bebas yang sukar di kawal	80
4	Min, sisihan piaawai dan kolerasi antara faktor-faktor tingkah laku kepemimpinan transformasional jurulatih dan kepuasan prestasi individu pemain-pemain bola sepak	82
5	Ringkasan “Hierarchical Regression” bagi angkubah-angkubah bebas terhadap kepuasan prestasi individu pemain-pemain bola sepak	92
6	Ringkasan Interaksi Pertama-atur (<i>stepwise regression</i>) bagi angkubah-angkubah demografi dan situasi terhadap kepuasan prestasi individu pemain-pemain bola sepak	97

BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Di dalam pentadbiran sesebuah organisasi, seringkali sistem kepemimpinan dikaitkan. Kepemimpinan, motivasi dan prestasi adalah satu rantaian logik yang membawa kepada keberkesanan organisasi (Aminuddin, 1990). Pemimpin bertanggungjawab membentuk pengikutnya dengan perancangan, teknik dan strategi yang teratur serta mengarahkan pengikutnya untuk bekerjasama menyelesaikan tugas dengan baik agar organisasi tersebut mencapai prestasi terbaik. Kepemimpinan merupakan subjek menarik yang sering diperbahaskan oleh semua golongan masyarakat kerana pemimpin bertindak menyusun, mengarah serta menyelaras usaha-usaha untuk mencapai kecemerlangan organisasi (Mohamed Sulaiman, 1998). Walaupun terdapat banyak artikel, jurnal dan buku berkaitan teori kepemimpinan namun ramai penulis memberi pendapat yang berbeza dengan konsep yang mengelirukan mengenai keberkesanan kepemimpinan (Brown, 1982; Pettigrew, 1987). Menurut Bryman (1992), walaupun ramai penulis percaya dan yakin bahawa pemimpin meningkatkan kecemerlangan organisasi, namun tiada bukti empirikal bagi menyokong pernyataan tersebut.

Beberapa definisi kepemimpinan menunjukkan bahawa ia melibatkan proses mempengaruhi pengikut oleh pemimpin secara berniat agar tercapai matlamat yang telah ditetapkan. Berdasarkan sejarah manusia, perjuangan pemimpin Malaysia yang berani dan bijaksana seperti Tunku Abdul Rahman, Aminuddin Baki dan Jeneral Tan Sri Ghazali Haji Che' Mat dalam pemerintahan negara, pentadbiran pendidikan Melayu serta pengurusan tentera cukup disanjungi kerana berjaya membawa kepada pembangunan pesat negara sehingga menjadi intipati legenda dan mitos (Mohamed Sulaiman, 1998). Pernyataan ini turut disokong oleh Kellett (1999) di mana beliau menjelaskan bahawa keberkesanan kepemimpinan ke arah kecemerlangan organisasi hanya boleh dilaksanakan dalam bidang pengurusan dan politik sahaja. Kini, kepemimpinan dianggap sangat penting oleh para ilmuan untuk dilakukan penyelidikan (Kellett, 1999). Menurut Fiedler dan Garcia, (1987); Tichy dan Devanna, (1986); dan Yukl, (1994), ramai orang menegaskan bahawa kepemimpinan adalah sangat kritis terhadap keberkesanan organisasi. Berdasarkan andaian bahawa kepemimpinan sangat penting maka beberapa para ilmuan telah melakukan kajian ke atas sekumpulan orang yang dilihat berpotensi sebagai pemimpin bagi mengenal pasti ciri-ciri dan tingkah lakunya (Bass, 1985; Bennis & Nanus, 1985; Locke, 1991; Shaskin, 1986).

Bagi sebuah organisasi sukan, jurulatih merupakan seorang pemimpin yang boleh mempengaruhi dan melatih para atlitnya untuk memperolehi kejayaan dalam suatu pertandingan (Bull, 1991). Matlamat utama jurulatih ialah

untuk membentuk sebuah pasukan yang berjaya dan sentiasa mengekalkan prestasi yang cemerlang sepanjang musim pertandingan (Cook, 1982). Jurulatih adalah pemimpin yang mempunyai kuasa mutlak untuk membuat keputusan pemilihan atlit, menentukan setiap posisi pemain, merancang program serta menentukan cara untuk mencapai matlamat. Lazimnya, jurulatih mempunyai perhubungan kukuh dengan para atlitnya di mana kedua-duanya saling memerlukan. Ini bermakna jurulatih tidak akan dapat menunjukkan hasil kerjanya tanpa kehadiran seseorang yang bergelar atlit yang cuba memberi persembahan terbaik dalam setiap kejohanan yang disertainya (Chelladurai & Riemer, 1997).

Walaupun topik keberkesanan kepemimpinan di dalam sesbuah organisasi terutamanya dalam bidang industri, perniagaan ataupun badan kerajaan sering diperbincangkan namun penyelidikan ke atasnya baru dimulakan dalam abad ini. Malah di negara kita penyelidikan tentang kepemimpinan baru dimulakan (Mohamed Sulaiman, 1998) dan penyelidikan kepemimpinan dalam bidang sukan pula adalah sangat terhad. Disebabkan kekurangan penyelidikan dalam bidang kepemimpinan maka beberapa kajian telah dilakukan bagi mengenal pasti keperluan situasi dan peranan pemimpin dalam membentuk organisasi yang cemerlang (Kellett, 1999). Menurut Chelladurai dan Salleh (1980); dan Case (1984), kejurulatihan sukan terlebih dahulu dilihat sebagai satu demonstrasi kepemimpinan kerana pengaruh dan kepentingan kedudukan jurulatih adalah sangat dihormati dan dikenali. Jurulatih

dan kepemimpinan merupakan pertalian yang sangat penting berdasarkan hasil kerja yang dilakukan. Tambahan lagi, kebanyakan penyelidikan dalam bidang sukan menggunakan ‘term’ jurulatih dan pemimpin secara bersilih ganti (Weinberg & Gould, 1995; Zhang, Jensen & Mann, 1997). Berdasarkan perbincangan yang dilakukan oleh Hesselbein, Goldsmith dan Beckhard (1996), adalah sukar untuk menentukan pemimpin dalam sesebuah organisasi manakala ia adalah sesuatu yang mudah untuk mengenal pasti pemimpin dalam bidang sukan adalah seorang jurulatih.

Di atas alasan kemerosotan prestasi para pemain bola sepak sejak tahun 80-an di peringkat Asia Tenggara, diikuti dengan tuduhan terhadap pihak pengurusan yang bertanggungjawab (Berita Harian, 1999) di atas kegagalan tersebut, maka penyelidik merasa bertanggungjawab memperbanyak kajian dalam bidang sukan dan berusaha mencari formula untuk meningkatkan mutu bola sepak negara dengan menjalankan kajian kepemimpinan dalam pasukan permainan bola sepak. Seterusnya, fenomena penyingkiran jurulatih asing pasukan bola sepak Negeri Sembilan, Josef Herel pada tahun 1993 yang dikatakan gaya kepemimpinan tidak disukai oleh para pemain serta pegawai-pegawai persatuan bola sepak Negeri Sembilan turut menyebabkan kemerosotan prestasi para pemain sehingga tercicit dari perebutan Piala Malaysia (The Star, 1993). Oleh itu, kajian tingkah laku kepemimpinan jurulatih dilakukan bagi melihat pengaruhnya terhadap kepuasan prestasi individu pemain-pemain bola sepak bagi membantu meningkatkan mutu permainan di

tahap terbaik dan mencapai kejayaan gemilang. Bagi merealisasikan impian ini, maka penyelidik telah memilih organisasi sekolah untuk diadakan penyelidikan. Ini kerana sekolah merupakan institusi kerja yang mempunyai peranan penting sebagai agen perubahan di kalangan masyarakat, khususnya para pelajar. Peranan guru/jurulatih sekolah sebagai pemimpin dan pendidik adalah sangat dihormati kerana ketekunan dan kecekapan mereka dalam melaksanakan tugas setelah mendapat latihan khusus dalam bidang yang diceburi (Mazlan, 1990)

Terdapat tiga pendekatan teori yang menerangkan fenomena keberkesanan pemimpin yang terdiri dari teori sifat, teori perilaku dan beberapa model kontingensi. Namun teori-teori ini gagal mendapat hasil yang konsisten menyebabkan para penyelidik sentiasa berusaha mencipta teori kepemimpinan baru yang lebih realistik (Mohamed Sulaiman, 1998). Penghasilan teori persepsi sifat yang berasaskan pemerhatian telah memberi satu dimensi baru dalam penyelidikan teori kepemimpinan di mana pengikut mempunyai persepsi tertentu terhadap pemimpin. Salah satu penemuan persepsi sifat pemimpin yang berkesan adalah konsistensi dalam membuat keputusan dan mempunyai pendirian yang teguh. Berdasarkan teori persepsi sifat maka Bass (1990) telah mencadangkan dua jenis kepemimpinan iaitu kepemimpinan transaksi dan kepemimpinan transformasional yang dibezakan berdasarkan teori keperluan Maslow (1954). Namun begitu teori kepemimpinan transformasional yang dipelopori oleh James McGregor Burns (1978) telah menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap kepuasan kerja pengikutnya (Bass & Avilio, 1988) di

dalam bidang 'pengurusan, perniagaan, ketenteraan serta badan kerajaan. Pemimpin transformasional dilihat lebih menonjol dari teori kepemimpinan transaksi dalam bentuk komitmen dan juga tindakan yang dilakukan untuk membawa perubahan dan kemajuan kepada organisasi yang ditunjanginya.

Memandangkan kebanyakan penyelidikan dalam bidang pengurusan sukan menggunakan teori berdasarkan sorotan literatur dari bidang pengurusan organisasi yang lain (Miller, 1997; Slack, 1997), dan McNeillis (1993) turut menegaskan bahawa kepemimpinan dalam sukan elit adalah selaras dengan elemen-elemen asas bagi kepemimpinan dalam perniagaan seperti tekanan, pencapaian matlamat dan pengurusan. Oleh itu, model kepemimpinan transformasional mencadangkan kesesuaian tingkah laku jurulatih memenuhi kepuasan atlit, tahap mutu permainan serta keyakinan diri untuk berjaya menempatkan diri di kalangan atlit yang terbaik dan paling berjaya. Dengan itu, teori kepemimpinan transformasional ini digunakan dalam kajian ke atas bidang sukan di Malaysia untuk menyelidik sejauh mana tingkah laku kepemimpinan transformasional jurulatih memberi kesan terhadap kepuasan prestasi individu pemain-pemain bola sepak sekolah-sekolah menengah di sekitar daerah Alor Setar, Kedah.

Pernyataan Masalah

Penyelidikan ini sangat penting dilakukan kerana kemerosotan kualiti permainan bola sepak di Malaysia sangat ketara di sekitar tahun 1980

sehingga tahun 2000. Walaupun segala kemudahan dan kelengkapan sukan yang canggih serta jurulatih import disediakan namun prestasi para pemain masih di bawah tahap keupayaan sebenar. Persoalannya kini, siapa harus dipersalahkan dan bertanggungjawab memastikan mutu sukan negara sentiasa di tahap yang terbaik. Dari sudut kaedah kejurulatihan, Nadarajan (1992) menyatakan bahawa teknik dan strategi yang digunakan oleh jurulatih tempatan adalah setara dengan kehebatan jurulatih dari luar negeri. Namun, berdasarkan rentetan kegagalan Malaysia memenangi pingat emas di kejohanan bola sepak Sukan SEA (Sukan Asian Tenggara) sejak 10 tahun yang lalu menyebabkan banyak pihak menyalahkan bahagian pengurusan yang terdiri dari jurulatih, pengurus pasukan dan keseluruhan organisasi Persatuan Bola Sepak Malaysia (Berita Harian, 1999) dan juga berlakunya kemerosotan prestasi pasukan bola sepak Negeri Sembilan telah menyebabkan jurulatihnya, Josef Herel disingkirkan (The Star, 1993). Oleh itu, penyelidik ingin membuat kajian dari sudut pengurusan sukan dan menekankan kepemimpinan jurulatih memandangkan ia sering dijadikan topik hangat di media cetak dan juga di kalangan masyarakat. Menurut Zaidatol Akmaliah (1991), keberkesanan kepemimpinan sering dikaitkan dengan gaya kepemimpinan untuk mempengaruhi pengikut ke arah pencapaian matlamat dan Yukl (1994) menyatakan kebiasaan pengikut-pengikut yang menentukan keberkesanan pemimpin mereka bagi mencapai kecemerlangan organisasi.

Secara umumnya, kajian kepemimpinan sering menghasilkan pendapat yang bertentangan. Difahamkan kepemimpinan dalam bidang pengurusan perniagaan merangkumi konteks perniagaan tersebut. Manakala para jurulatih berpendapat kepemimpinan dalam sukan dilihat pada satu sudut dimensi sahaja sehingga mencapai satu peringkat di mana jurulatih hanya dianggap sebagai pemimpin di dalam pasukan permainan dan tidak meliputi pengurusan sukan secara keseluruhan (Kellett, 1999). Menurut Kellett (1999), terdapat dua sebab jurulatih menganggap diri mereka tidak melaksanakan kepemimpinan secara keseluruhan. Pertama, konsep kepemimpinan masih lagi kabur di mana ianya hanya menjurus kepada pengurusan manusia dan membuat keputusan sahaja. Kedua, sesetengah pemimpin melaksanakan kepemimpinan diktator di mana ia tidak selaras dengan peranan jurulatih dalam membentuk para atlit dan staf. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Kellett (1999), jurulatih dilihat berdasarkan elemen-elemen tingkah laku mereka dalam membentuk para atlit dan staf. Jurulatih bertindak merancang dan berbincang dengan para atlitnya, juga berfungsi dalam melaksanakan tugas dengan berkesan berdasarkan kemahiran sosial dan pengetahuan tentang teknikal yang dimilikinya.

Dalam melakukan kajian ke atas jurulatih sebagai pemimpin, para penyelidik dalam bidang sukan kebanyakannya merujuk kepada model kepemimpinan dari bidang perniagaan dan pengurusan organisasi (Case, 1984; Danielson, Zelhart & Drake, 1975). Menurut Kellett (1999), kini model kepemimpinan transformasional sering diperbahaskan oleh para penyelidik